PERKEMBANGAN PADA SUKU KETIGA 2007

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan ekonomi dalam kebanyakan rantau utama berterusan meskipun aktiviti berkaitan sektor perumahan di AS sederhana

Pertumbuhan ekonomi global berterusan pada kadar yang secara relatif kukuh pada suku ketiga 2007. Meskipun aktiviti berkaitan perumahan terus merosot, anggaran awal menunjukkan ekonomi **Amerika Syarikat (AS)** berkembang pada kadar tahunan sebanyak 4.9%. Perbelanjaan pengguna mengembang 2.7% (S2:1.4%) dengan adanya peluang pekerjaan yang menyokong peningkatan pendapatan. Pertumbuhan juga disokong oleh sektor perdagangan (menyumbang 1.4 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK) dan pelaburan bukan sektor perumahan.

Di **Jepun**, ekonomi tumbuh pada kadar tahunan sebanyak 2.6%, disokong terutamanya oleh prestasi eksport yang kukuh pada suku ketiga. Pelaburan perniagaan meningkat semula, setelah menguncup pada suku kedua, disebabkan pembelian jentera perindustrian am yang lebih banyak oleh syarikat-syarikat. Walau bagaimanapun, pelaburan kediaman swasta merosot 7.8% pada suku ketiga, iaitu penurunan bagi suku ketiga berturut-turut pada tahun 2007. Ini disebabkan oleh peraturan berhubung pembinaan yang lebih ketat. Keadaan cuaca yang menggalakkan menyokong peningkatan perbelanjaan penggunaan.

Di **kawasan euro,** KDNK benar berkembang 2.6% pada suku ketiga, disokong oleh pelaburan perniagaan yang lebih kukuh dan juga perbelanjaan pengguna. Jerman, Perancis dan Itali turut mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi pada suku ketiga. Sementara itu di **United Kingdom**, ekonominya kekal berdaya tahan dan berkembang 3.2% pada suku ketiga. Pertumbuhan ini mendapat manfaat daripada kekukuhan aktiviti sektor perkhidmatan yang berkembang 4%. Sepertimana suku-suku terdahulu, pengembangan yang kukuh adalah khususnya dalam sektor perkhidmatan perniagaan dan kewangan. Walau bagaimanapun, keluaran perindustrian menjadi perlahan disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan keluaran sektor perkilangan yang lemah.

Negara Perindustrian: Pertumbuhan KDNK Benar

	2006		2007			Faktor penyumbang utama pertumbuhan S3
	S3	S4	S1	S2	S3	
	Perubahan tahunan (%)					
AS[1]	1.1	2.1	0.6	3.8[3]	4.9[2]	Pertumbuhan didorong oleh eksport bersih, dan pelaburan bukan sektor perumahan yang lebih tinggi.
UK	3.0	3.2	3.1	3.1[3]	3.2[3]	Disokong oleh sektor perkhidmatan terutamanya dalam perkhidmatan perniagaan dan kewangan.
Kawasan euro	2.9	3.3	3.2	2.5	2.6[4]	Disokong oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam pelaburan perniagaan dan perbelanjaan pengguna.
Jepun[1]	-0.2	5.5	2.6	-1.6[3]	2.6[4]	Disokong oleh peningkatan pelaburan, perbelanjaan pengguna yang menggalakkan dan prestasi eksport yang kukuh.

[1] Berasaskan kadar tahunan *(annualised)*
[2] Anggaran awal
[3] Disemak
[4] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Di AS, **Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan** mengurangkan kadar faedah sebanyak 50 mata asas pada mesyuaratnya pada 18 September, dan 25 mata asas lagi pada mesyuaratnya pada 31 Oktober. Pengurangan kadar faedah in adalah untuk mengekang kesan risiko gangguan pasaran kewangan terhadap keseluruhan ekonomi.

European Central Bank **(ECB)** mengekalkan kadar dasarnya pada suku ketiga. Langkah ini diambil bagi menilai impak kegawatan kredit baru-baru ini terhadap

ekonomi. Walau bagaimanapun, risiko inflasi jangka sederhana yang berpunca daripada peningkatan kekangan kapasiti, pengetatan pasaran pekerja, pertumbuhan kukuh bekalan wang, dan kenaikan harga minyak dan makanan terus menjadi pertimbangan utama ECB. **Bank of England** turut mengekalkan kadar dasarnya pada 5.75% pada mesyuarat pada bulan November meskipun terdapat kebimbangan terhadap masalah pasaran kredit baru-baru ini memandangkan data pertumbuhan suku ketiga terus kukuh. **Bank of Japan** juga mengekalkan kadar faedahnya pada 0.5% pada 31 Oktober, dikekang oleh perkembangan keadaan harga baru-baru ini. Data terbaharu menunjukkan inflasi teras, tidak termasuk makanan segar, terus menurun pada bulan September, yang merupakan penurunan bagi bulan kelapan berturut-turut.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2006		2007			Faktor penyumbang utama pertumbuhan S3
	S3	S4	S1	S2	S3	
	Perubahan tahunan (%)					
RR China	10.6	10.4	11.1	11.9	11.5	Didorong oleh eksport dan pelaburan.
Singapura	7.0	6.6	6.5	8.7	8.9	Disokong oleh pertumbuhan dalam sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan kewangan.
Indonesia	5.9	6.1	6.0	6.3	6.5	Disebabkan pelaburan dan eksport yang kukuh
Hong Kong SAR	6.4	6.9	5.6	6.6	6.2	Disokong oleh eksport dan penggunaan swasta.
Korea	4.8	4.0	4.0	5.0	5.2	Disokong oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Sumber: Pihak berkuasa negara

Pada suku ketiga, **harga minyak mentah** global mencatat paras yang tinggi iaitu USD83.32 setong pada 20 September didorong oleh laporan Jabatan Tenaga AS yang menunjukkan pengurangan inventori minyak yang tidak dijangka di AS dan kebimbangan terhadap cuaca buruk. Harga minyak mentah terus meningkat melebihi USD90 setong pada akhir bulan Oktober 2007 dan mencecah paras tertinggi baharu pada USD98.03 setong pada 20 November 2007. Kenaikan ini disebabkan kebimbangan terhadap musim sejuk yang bakal tiba di Hemisfera Utara dan penurunan berterusan dalam inventori dalam beberapa minggu kebelakangan ini.

Di rantau **Asia**, aktiviti ekonomi terus kukuh meskipun terdapat ketidakpastian yang semakin ketara berhubung dengan ekonomi AS dan kegawatan pasaran hutang global. Pertumbuhan disokong oleh permintaan domestik yang mampan dan pemulihan beransur-ansur dalam eksport E&E. Eksport E&E serantau yang sederhana pada separuh pertama tahun ini telah mula pulih sebagaimana dicerminkan oleh jualan separa konduktor global yang bertambah baik sejak bulan Julai dan penurunan inventori pada suku ketiga.

Kebanyakan ekonomi serantau mengalami tekanan inflasi yang lebih tinggi, terutamanya disebabkan kenaikan harga makanan. Republik Rakyat China (RR China) dan Korea menaikkan kadar faedah bagi membendung inflasi. Walau bagaimanapun, penyederhanaan tekanan inflasi di Indonesia, Thailand dan Filipina telah mendorong pengurangan dalam kadar faedah untuk merangsang permintaan dalam negeri.

Dalam **pasaran pertukaran wang asing**, dolar AS mengakhiri suku ketiga dengan lebih lemah berbanding dengan mata wang utama. Prestasi dolar AS terjejas terutamanya akibat kebimbangan terhadap kekukuhan ekonomi AS dan juga perbezaan kadar faedah. Pada bulan November, paun sterling mencapai nilai tertingginya dalam tempoh 26 tahun berbanding dengan dolar AS (USD2.1074) pada 8 November 2007. Sementara itu, dolar AS juga menyusut nilai ke paras terendah berbanding dengan euro dan kumpulan enam mata wang utama disebabkan jangkaan pengurangan kadar faedah oleh Federal Reserve. Mata wang serantau juga menambah nilai berbanding dengan dolar AS disebabkan aliran masuk perdagangan dan portfolio yang terus kukuh.